

# Bina semangat atasi gejala lepak —

9 JAN 1994

# Mahathir

Oleh **BADRUL AZHAR dan ROZAMAN ISMAIL**

**K**UALA LUMPUR 8 Jan.— Kerajaan tidak bercadang untuk melaksanakan perkhidmatan wajib ketenteraan atau 'kerahan tenaga' bagi mengatasi masalah budaya lepak di negara ini, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata, kerajaan bersetuju supaya badan-badan sukarela diwujudkan untuk memberi latihan berbentuk sekolah bina semangat bagi mengatasi masalah itu.

Beliau berkata, program yang akan diadakan itu adalah bagi mengisi masa lapang kumpulan-kumpulan yang didapati tidak terlibat dalam kegiatan yang berfaedah.

Dr. Mahathir berkata demikian sebagai mengulas saranan beberapa pemimpin politik dan pertubuhan yang menyokong pelaksanaan perkhidmatan wajib ketenteraan atau 'kerahan tenaga' di negara ini.

Bercakap kepada para pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) UMNO di ibu pejabat parti itu di sini hari ini, Dr. Mahathir menjelaskan, sasaran program tersebut adalah golongan muda mudi yang didapati tidak terlibat dalam kegiatan membina atau berfaedah.

"Hanya yang kita bincangkan ialah berkenaan dengan keperluan mengadakan badan-badan sukarela untuk melatih dalam bidang kawat dan sebagainya," kata beliau.

Menurutnya, kerajaan mahu golongan sasaran itu mengambil bahagian dalam kegiatan yang lebih menarik termasuk kegiatan berbentuk sekolah bina semangat.

Ditanya adakah badan-badan sukarela yang sedia ada akan diberi tugas melatih para belia itu, katanya, kerajaan mungkin mewujudkan badan lain yang lebih menarik aktiviti.

■ Lihat muka 4

9 JAN 1994

## Bina semangat atasi gejala lepak — Dr. M

Dalam laporan muka satu akhbar *Utusan* semalam dan hari ini, beberapa orang pemimpin politik, pertubuhan, cendekiawan dan aktivis masyarakat menyokong saranan supaya kerajaan menimbang secara serius pelaksanaan perkhidma-

tan wajib ketenteraan atau 'kerahan tenaga' di negara ini.

Mereka berpendapat, program seumpama itu dapat membendung masalah disiplin, keruntuhan moral dan akhlak di kalangan generasi muda.